



BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT PERPUSTAKAAN UNISEL

BICARA PUSTAKAWAN:

WHAT IS MALAYSIA OPEN
SCIENCE PLATFORM?

PENDIDIKAN PERINGKAT
PASCA TIDAK LAGI MENJADI
PILIHAN GURU

Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran kedua pada tahun 2022 (Mac - April 2022), Perpustakaan UNISEL telah seperti biasa menerima permohonan untuk Program Literasi Maklumat. Program ini mempunyai 2 mod pembelajaran sama ada dilakukan secara fizikal ataupun secara atas talian.

Selain itu, pada keluaran kali ini, Perpustakaan UNISEL menjemput seorang penulis jemputan untuk menyumbangkan karyanya di dalam Buletin Perpustakaan UNISEL. Secara tidak langsung, beliau dapat berkongsi ilmu dan maklumat dengan para pembaca.

Bersempena bulan ramadan ini, pihak **Buletin Perpustakaan UNISEL** mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran, semoga kita dapat menyempurnakan ibadah puasa dengan tenang.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Zairil Azwan Osman

PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan
Perpustakaan UNISEL

PENGEDARAN

Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my

Isi Kandungan

- | | |
|---|----|
| • Program Literasi Maklumat
Perpustakaan UNISEL | 1 |
| • BICARA PUSTAKAWAN: What is
Malaysia Open Science Platform? | 2 |
| • Pendidikan peringkat pasca tidak
lagi menjadi pilihan guru | 4 |
| • Program Literasi Maklumat | 7 |
| • Aktiviti Perpustakaan UNISEL | 10 |
| • Album Pelawat & Lawatan | 14 |
| • Ulasan buku | 17 |



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

PERPUSTAKAAN UNISEL




Salah satu perkhidmatan yang Perpustakaan UNISEL sediakan kepada pengguna adalah Program Literasi Maklumat. Program ini bertujuan untuk mendidik pengguna dalam menggunakan segala kemudahan yang perpustakaan sediakan dan memberi bimbingan pencarian bahan atau maklumat dengan betul. Pencarian maklumat yang sahih dan bermutu di dalam bidang akademik adalah sangat penting.

Antara modul-modul di dalam Program Literasi Maklumat adalah:

- *Introduction to UNISEL Library*
- *Introduction to UNISEL Library to Digital Collection and Services*
- *Citation Help : APA Citation Style (7th ed.)*
- *Online Databases & Free Access Collection for Literature*
- Turnitin (Modul Pensyarah)

Modul-modul di dalam Program Literasi Maklumat sesuai untuk pensyarah dan juga pelajar. Bermula tahun 2022, modul-modul ini boleh dilakukan secara fizikal dan atas talian. Oleh itu pengguna boleh memilih mod pembelajaran mengikut kesesuaian. Program ini adalah terbuka dan dijalankan pada setiap semester. Pengguna hanya perlu memohon secara atas talian dan pilih modul yang berkaitan serta tentukan tarikh dan masa untuk menyertai program tersebut.

Semoga Program Literasi Maklumat yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL ini dapat dimanfaatkan oleh pengguna terutamanya pelajar UNISEL. Untuk keterangan lanjut, boleh hubungi Perpustakaan UNISEL melalui panggilan telefon, emel atau datang terus ke Perpustakaan UNISEL di kampus Bestari Jaya ataupun Shah Alam.



BICARA PUSTAKAWAN



WHAT IS MALAYSIA OPEN SCIENCE PLATFORM?

Source: <https://www.akademisains.gov.my/>

In recent years, Open Science movement is gaining traction in many countries with international bodies such as International Science Council (ISC), Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) and the World Bank are championing and advocating Open Science globally. The international principle of making research data Findable, Accessible, Interoperable and Reusable (FAIR) will not only democratize knowledge, it reinforces open scientific inquiry and integrity, enables better research management and promotes open innovation, citizen science as well as data intensive research. Integrating the diverse data streams and huge datasets across multiple disciplines offers unprecedented insights and solutions towards local, regional and global complex challenges.

Recognizing the importance of harnessing the potential impact of Open Science, the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), formerly known as MESTECC, has launched the Malaysia Open Science Platform (MOSP) Pilot Initiative on 7 November 2019.

Through the Academy of Sciences Malaysia (ASM), the Malaysia Open Science Alliance was formed to pave the way towards realizing MOSP as a strategic transformative initiative to strengthen STI Collaborative Ecosystem for Malaysia. The aim of this initiative is to make Malaysia's research data as a valuable national asset by developing a trusted platform that enables accessibility and sharing of research data aligned to national priorities and international best practices.

The Pilot Initiative with five Research Universities (RU) is a three-year (2020-2022) project funded by MOSTI, spearheaded by Malaysia Open Science Alliance and implemented by the Academy of Sciences Malaysia (ASM). Three focus areas in this project are as follows:

Guideline

Malaysia Open Science Alliance Working Group on Guidelines will lead the pathway towards the drafting of National Guideline on Open Science through nationwide stakeholders engagement and by conducting a Landscape Study on Open Science in Malaysia.



Two deliverables are expected from this Working Group:

1. A landscape study on Open Science in Malaysia
2. National Guidelines on Open Science

The landscape study would call for collaboration among all stakeholders at all levels of organizations including ministries, government agencies, HLIs, GRIs, scientists and industrial players to sit together and come up with a solution-based position paper, documenting the level of readiness of open science and all necessary actions required to implement MOSP at a national level, and subsequently, at an international level. The focus of the study would be measuring indicators, which are:

1. Available Policies
2. Number of Repositories
3. Skill Capacity
4. Infrastructure Capacity

For the purpose of the study, the Working Group have conducted a survey about Open Science targeting researchers and librarians in Malaysia. The survey was conducted between 13 April 2020 until 8 May 2020. To validate our findings and analysis, two stakeholder engagements were organized on 4 June 2020 and 6 December 2020.


Capacity Building and Awareness

This working group are specifically tasked to develop a localized training module, which will be the guideline to train and upscale trainers (especially librarians) into Digital Data Librarians/Data Librarians/Data Curators.

Results from the landscape study delivered by the Working Group on Policy and Guidelines, as well as inputs from experts and stakeholders was used to develop a comprehensive and well-defined Training Module on Open Science.

This module would steer Malaysia towards maximizing the potential of research data as a tool to advance the research and development industry.

In addition to this, this Working Group is responsible for creating awareness and promoting Malaysia Open Science Platform initiatives nationwide. This Working Group have established several social media accounts on Facebook, Twitter and Instagram. Do follow us for the latest updates on Malaysia Open Science Platform and Open Science initiatives worldwide. This Working Group will also be promoting Malaysia Open Science Platform through various channels, including infographics, billboards, webinars, videos, media presence on television as well as radios. WG on CBA also has established great relationships and engagements with various international organizations such as UNESCO, OECD, Arab Open Science, European Open Science, Global Open Science Cloud etc.



Infrastructure

This working group will focus on the development of technical specification and MOSP prototype prior to the deployment of this platform among the five research universities in Malaysia.

The potential platform architecture and execution model for MOSP will be identified with reference to the landscape study and views from professionals and stakeholders. The technical specification then will be prepared based on the selected architecture. The working group will seek inputs for technical specification from local champions, international experts and companies then prepare Request for Proposal for the model implementation.



PENDIDIKAN PERINGKAT PASCA TIDAK LAGI MENJADI PILIHAN GURU

Oleh : Prof Madya Dr Gunasegaran Karuppannan
Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Selangor (UNISEL)

Keadaan Ekonomi

Kebelakangan ini kebanyakan universiti mengalami masalah bilangan guru yang mendaftar untuk menyambung belajar ke peringkat sarjana dan kedoktoran. Masalah ini bukanlah dialami oleh universiti di musim Covid ini malah ianya telah mula dirasai sejak negara melalui zaman kemerosotan ekonomi. Sebelum bermulanya zaman kemerosotan ekonomi ini, kehidupan alam pekerjaan guru dan kakitangan guru yang lain adalah agak mewah. Antara kemewahannya adalah seperti boleh membuat tuntutan untuk semua jenis perjalan yang rasmi, akan disediakan makan dan minum untuk semua mesyuarat yang rasmi serta mesyuarat juga akan diadakan di hotel-hotel yang mewah. Kesemua ini berubah sehingga guru-guru tidak lagi boleh membuat tuntutan perjalanan seperti dulu, perlu membuat pembayaran untuk makan dan minum yang disediakan serta mesyuarat juga diadakan di sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan tertentu.

Secara tidak langsung ini telah memberikan kesan psikologi yang negatif kepada guru-guru di mana mereka telah mula merasai baham kelemahan ekonomi negara dan seterusnya menyebabkan perbelanjaan persendirian mereka juga bertambah.

Daripada perbincangan dengan guru-guru di dapati keadaan ketegangan ekonomi ini merupakan antara faktor utama telah melemahkan motivasi guru-guru untuk menyambung belajar ke peringkat pasca. Sebenarnya, guru-guru yang menyambung belajar ke peringkat pasca di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah lebih daripada yang mendapat biasiswa dan belajar di IPTA. Oleh sebab itu, guru-guru terpaksa membuat penjimatan dalam perbelanjaan mereka maka mereka sanggup memilih untuk menangguh hasrat untuk menyambung belajar. Justeru itu, faktor ekonomi merupakan faktor utama yang menyebabkan guru-guru di Malaysia telah berkang minat mereka untuk menyambung belajar ke peringkat pasca.

Beban Setiap Guru Telaah Menjadi Tinggi

Sepanjang sepuluh tahun yang dahulu, pekerjaan guru adalah menjadi pilihan dan rebutan masyarakat Malaysia terutamanya di kalangan wanita. Ini adalah kerana pekerjaan guru itu merupakan satu pekerjaan yang dihormati, disanjung tinggi, pekerjaan separuh hari, banyak cuti dalam setahun dan lain-lain unsur yang positif.

Namun sekarang semuanya telah menjadi sebaliknya di mana ibu bapa yang bekerja sebagai guru pun tidak menggalakkan anak mereka untuk menjadi guru kerajaan. Jadi apakah puncanya yang menyebabkan guru-guru di Malaysia telah mula membenci profesen mereka sendiri? Antara sebab yang dikelohkan oleh guru-guru adalah perkembangan teknologi yang begitu pesat. Kelohan-kelohan ini bukanlah dikeluarkan pada zaman pandemik Covid 19 ini tetapi ianya adalah masalah yang dihadapi sepuluh tahun kebelakangan ini. Kebanyakan kerja guru sepuluh tahun yang dahulu adalah secara manual iaitu banyak menulis dan bercakap. Guru akan membaca dan membuat persedian untuk mengajar dan seterusnya di dalam bilik darjah guru akan menulis di papan hitam dan bercakap. Selain itu, guru akan menyediakan kertas peperiksaan dan selepas selesai peperiksaan markah akan disediakan sehingga diisi ke dalam Kad Kemajuan secara manual.



Guru-guru menghayati dan berasa seronok dalam menjalankan kerja-kerja harian seperti ini. Walau bagaimanapun, kesemua ini telah bertukar ke satu era pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan teknologi. Perubahan pada era teknologi ini memanglah satu langkah yang baik supaya negara kita boleh menandingi negara-negara yang maju. Tetapi malangnya, perkembangan ini berlaku dengan begitu pesat dan cepat sehingga kebanyakan guru tidak dapat memahaminya, mengikutinya serta melaksanakannya. Guru-guru yang sentiasa melakukan kerja secara menulis dan bercakap sudah terpaksa menggunakan komputer riba dan LCD projektor, yang biasa banyak membaca sudah mula hanya "cut and paste", yang biasa membawa pelajar ke makmal untuk buat eksperimen sudah mula hanya tunjuk video dan banyak lagi perubahan seperti ini.

Selain itu, sebelum ini kerja-kerja guru akan dihantar dengan tangan ke pengetua tetapi sekarang dengan hanya menekan satu butang di key pad guru, tanpa guru tersebut sedari maklumat tersebut akan sampai ke Pejabat Pendidikan Daerah dan mungkin juga ke Jabatan Pendidikan Negeri. Oleh itu, perkara-perkara seperti ini telah memberi sedikit kejutan budaya kepada guru-guru dan seterusnya melemahkan komitmen pada karier mereka sebagai seorang pendidik. Dengan itu, jelaslah di sini bahawa antara faktor lain yang menyebabkan guru tidak berminat untuk sambung belajar ke peringkat pasca ialah beban tugas guru-guru yang telah bertambah banyak dengan pesatnya sehingga ada kerja yang perlu dibawa ke rumah.

Kenaikan Pangkat

Sehingga hari ini kenaikan pangkat bagi guru-guru dalam sistem pendidikan negara kita adalah berdasarkan "time base". Ini bermakna bagi guru-guru, kenaikan tangga dan gaji mereka akan berlaku secara automatik iaitu apabila cukup tahun perkhidmatan tertentu. Justeru itu, walaupun guru-guru yang telah menamatkan pengajian mereka ke peringkat sarjana atau kedoktoran tetapi kedudukan tangga dan gaji mereka akan tetap sama. Oleh itu, masa dan wang digunakan untuk menambah ilmu oleh seseorang guru itu tidak diambil kira langsung oleh sistem pendidikan negara kita. Secara tidak langsung, ini merupakan salah satu faktor utama yang tidak memotivasi guru-guru untuk sambung belajar ke peringkat pasca.



Pemilihan Bidang

Guru-guru di sekolah terdiri daripada pelbagai bidang mengikut kelulusan sarjana muda mereka iaitu ada guru kelulusan bahasa, sejarah, geografi, teknologi maklumat, biologi, fizik, kimia, agama, matematik dan lain-lain. Walau bagaimanapun, guru-guru yang menyambung belajar ke peringkat pasca adalah kebanyakannya daripada bidang bukan sains. Manakala, kurang guru dari bidang sains seperti biologi, fizik, kimia dan matematik yang menyambung pelajaran mereka ke peringkat sarjana dan seterusnya ke peringkat kedoktoran. Antara masalahnya adalah kerana tidak terdapat banyak universiti yang menawarkan bidang-bidang ini ke peringkat pasca. Selain itu, bidang-bidang ini juga memerlukan kerja-kerja penyelidikan di makmal. Oleh itu, ini menyukarkan guru-guru untuk mengambil bidang ini kerana kerja-kerja di makmal harus dilakukan pada waktu pejabat. Ini bermaksud, hanya guru-guru yang mendapat biasiswa penuh sahaja yang didapati menyambung belajar ke peringkat pasca dalam bidang sains. Sedangkan terdapat juga ramai guru di bidang bukan sains yang menyambung belajar tanpa biasiswa iaitu membayar yuran pengajian dengan duit sendiri. Justeru itu, faktor kekurangan universiti yang menawarkan bidang saing di peringkat pasca ini boleh menyebabkan satu faktor kurangnya guru yang menyambung belajar ke peringkat pasca. Oleh itu, adalah dinasihatkan kepada guru-guru untuk berfikir dengan lebih terbuka, iaitu harus memberanikan diri untuk menceburi bidang yang lain dari bidang sarjana muda mereka. Ini adalah kerana terdapat juga ramai guru dari bidang sains yang menjadi pentadbir sekolah malah ada yang menjadi pengetua. Justeru itu, alangkah ianya akan sangat bermanfaat sekiranya guru-guru sains menyambung belajar ke peringkat pasca dalam bidang pengurusan atau pentadbiran.



Sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang pendidikan, iaitu lima belas tahun sebagai guru sekolah menengah, lima tahun di Institut Pendidikan Guru dan kini sudah lima belas tahun di Fakulti Pendidikan dan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Selangor, saya menasihat semua guru untuk menyambung belajar ke peringkat sarjana dan kedoktoran. Tidak ada batasan umur untuk menimba ilmu dan ilmu yang ditimba juga tidak akan sia-sia sehingga bila-bila pun.

Program Literasi Maklumat



11 APRIL 2022

Taklimat ringkas dan lawatan ke Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam untuk pelajar Faculty of Health Sciences (FSK) yang telah dikendalikan oleh Pustakawan, Puan Khuzaimah binti Zakaria.



12 APRIL 2022

Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature dan Turnitin Modul Pelajar yang disertai oleh 15 orang pelajar program ijazah dari Jabatan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Fakulti Perniagaan & Perakaunan dan pensyarah Puan Nor Azah Jahari dan dikendalikan oleh Pustakawan, Encik Zairil Azwan bin Osman.

Program Literasi Maklumat



14 APRIL 2022

Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature dan Turnitin Modul Pelajar yang disertai oleh 29 orang pelajar program diploma dari Jabatan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Fakulti Perniagaan & Perakaunan dan pensyarah Puan Nor Azah Jahari dan dikendalikan oleh Pustakawan, Encik Zairil Azwan bin Osman.



21 APRIL 2022


Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature dan Turnitin Modul Pelajar yang disertai oleh 32 orang pelajar program ijazah dari Jabatan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Fakulti Perniagaan & Perakaunan dan pensyarah Puan Yuslina Yusoff dan dikendalikan oleh Pustakawan, Encik Zairil Azwan bin Osman.

Program Literasi Maklumat



25 APRIL 2022


Program Literasi Maklumat, Online Databases & Free Access Collection for Literature dan Citation Help: APA Citation Style (7th ed.) yang disertai oleh 13 orang pelajar untuk subjek Research Methodology dari Fakulti Sains Kesihatan dan pensyarah Puan Fadia Razali dan dikendalikan oleh Pustakawan, Encik Zairil Azwan bin Osman.



25 APRIL 2022

Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style (7th ed.) yang disertai oleh pelajar program ijazah dan diploma dari Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Perkomputeran dan dikendalikan oleh Pustakawan, Puan Nur Adna binti Roduan.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



02 - 29 MAC 2022

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dijalankan di Dewan Mini Perpustakaan.



18 MAC 2022

Perpustakaan UNISEL terlibat dalam Gotong Royong Perdana Tahun 2022 yang dianjurkan oleh Universiti Selangor. Staf perpustakaan bekerjasama menanam semula pokok-pokok bunga di sekitar bangunan perpustakaan serta membersih dan mengemas di dalam dan di luar bangunan perpustakaan.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



24 MAC 2022

Staf Perpustakaan UNISEL terlibat dalam kerja-kerja merekod bahan-bahan di perpustakaan Selangor Business School (SBS).



28 MAC 2022

Perpustakaan UNISEL mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Cik Khadijah binti Amri, pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah selesai menjalani latihan industri selama lima bulan di Perpustakaan UNISEL. Semoga ilmu yang dipelajari boleh diperaktikkan dan menjadi asas pengetahuan apabila berada di luar sana.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



11 APRIL 2022


Program penyediaan dan edaran bubur sempena bulan Ramadan. PTJ lain yang turut bersama-sama Perpustakaan tahun ini adalah CGQA, BHEA dan PHEU.



12 APRIL 2022

Perpustakaan UNISEL telah diamanahkan untuk menguruskan hiasan pentas sempena program Iftar Perdana bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



14 APRIL 2022

Demonstrasi dan perbincangan bersama pihak Cengage Vital Source Explore.



21 APRIL 2022

Perpustakaan UNISEL telah menganjurkan program tahunan: Jom Baca Bersama 10 minit mulai jam 11.00-11.10 pagi bersama staf dan pelajar.

Album Pelawat & Lawatan



28 MAC 2022

Lawatan audit penilaian MQA untuk program Psikologi dilakukan secara fizikal di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.



11 APRIL 2022

Lawatan tapak dan mesyuarat perkembangan Institut Kepimpinan dan Pemikiran Siddiq Fadzil yang dipengerusikan Pengarah Pusat Kecemerlangan Prof Dr Mohd Nor Nawawi. Turut serta adalah Pengarah JPP, Pengarah CICT, Pengarah JPA dan Ketua Perpustakaan.

Album Pelawat & Lawatan



14 APRIL 2022

Lawatan dan perbincangan bersama wakil Emerald Publishing berkenaan produk-produk baru dan aktiviti yang boleh dianjurkan bersama antara pihak Perpustakaan UNISEL dan Emerald Publishing.



14 APRIL 2022

Sekitar lawatan tapak bersama Pusat Teknologi Informasi dan Komunikasi (CICT) untuk mewujudkan Institut Kepimpinan & Pemikiran Siddiq Fadzil dan Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil


Album Pelawat & Lawatan



15 APRIL 2022

Lawatan dan perbincangan bersama wakil Academic OneFile berkenaan produk-produk baru dan aktiviti yang boleh dianjurkan bersama antara pihak Perpustakaan UNISEL dan Academic OneFile.

Ulasan Buku



• Judul	An Interdisciplinary Approach to The Human Mind: Subjectivity, Science and Experiences in Change
• Penulis	Line Joranger
• ISBN	9781315309699
• No. Panggilan	BF121 .J67 2019
• Lokasi	https://bit.ly/3JARNNI
• Tahun terbitan	2019
• Edisi	-


Line Joranger's book is a masterful integration of history into general epistemology of the social sciences. She demonstrates how contemporary research on representation processes needs to start from theoretical synthesis, rather than from common sense discourses about appealing but fuzzy notions like 'mental health' or the like. Contemporary psychology has forgotten the importance of theoretical primacy in its ever-vociferous calls for 'more data.' Joranger demonstrates that before getting more data one needs to know what the data could do for our knowledge. And this is the message the readers need to consider with full seriousness.



• Judul	Exploring Research
• Penulis	Neil J. Salkind
• ISBN	9781292156293
• No. Panggilan	BF76.5. S25 2018
• Lokasi	https://bit.ly/3Nya5kF
• Tahun terbitan	2018
• Edisi	9th


This book is intended for upper-level undergraduate students and graduate students in their first research methods course in the social, behavioral, and health sciences fields.

Exploring Research is intended to provide an introduction to the important topics in the general area of research methods and to do so in a non-intimidating and informative way.



• Judul	Competition in Higher Education Branding and Marketing: National and Global Perspectives
• Penulis	Antigoni Papadimitriou
• ISBN	9783319585277
• No. Panggilan	LB2322 .C66 2018
• Lokasi	https://bit.ly/3JufkhW
• Tahun terbitan	2018
• Edisi	-

To understand the changes that are reshaping higher education, an analysis of the language utilized to discuss contemporary universities is illuminating. Consider, for example, the following phrase, by a senior university administrator: "I'm sorry for being late to the meeting; I was dealing with a social media crisis."



• Judul	Introduction to design equity
• Penulis	Kristine Miller
• ISBN	9781946135506
• No. Panggilan	NK1520 .M55 2018
• Lokasi	https://bit.ly/3MiPAHe
• Tahun terbitan	2018
• Edisi	-


Why do affluent, liberal, and design-rich cities like Minneapolis have some of the biggest racial disparities in the country? How can designers help to create more equitable communities? Introduction to Design Equity, an open access book for students and professionals, maps design processes and products against equity research to highlight the pitfalls and potentials of design as a tool for building social justice.

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

MAC - APRIL
BILANGAN 02/2022



- If you have a question or
- Need help with your research or assignment or
- Want to keep up to date with latest news & updates ...

CONNECT WITH US



Like.Follow.Share unisel library

<http://library.unisel.edu.my>

sirkulasi@unisel.edu.my

Chat with a Librarian

03-32805081/5080 (BJ Campus)

03-55223565 (Customer Service, Shah Alam Campus)

03-55223596 (Reference Service, Shah Alam Campus)